

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 2 (22)

28 Disember 2022
4 Jamadilakhir 1444

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 55/2022

PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD BAGI URUSAN KEMATIAN AHLI KELUARGA TERDEKAT

Dimaklumkan melalui surat edaran dari Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia rujukan JPA.(S).800-1/1/7 (3) berkenaan Penambahbaikan Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat.

2. Selaras dengan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil. 19/ 2022 bertarikh 11 Oktober 2022 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 1/2022 bertarikh 21 April 2022 bersetuju menerima pakai Surat Edaran dari Jabatan Perkhidmatan Awam rujukan surat JPA.(S).800-1/1/7 (3) bertarikh 5 September 2022 berkenaan perkara tersebut.

3. Penambahbaikan dinyatakan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian SR.5.2.1 (Penambahbaikan Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat) kepada pegawai perkhidmatan awam bagi menziarahi jenazah dan membantu urusan berkaitan kematian ahli keluarga terdekat. Tafsiran ahli keluarga terdekat sedia bermaksud suami, isteri, ibu kandung atau ibu angkat, bapa kandung atau bapa angkat, ibu mertua, bapa mertua, anak kandung, anak angkat yang sah di sisi undang-undang, anak angkat *de facto* dan anak pelihara. Peluasan tafsiran ahli keluarga terdekat ditambah baik merangkumi adik-beradik, nenek dan datuk.

4. Pindaan ceraian dan ceraian baharu di atas adalah **berkuat kuasa mulai 5 September 2022**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Kampus UTM Pagoh
 - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

GA/za/2022